



# Berita UniMAP

## MPP UniMAP Disaran Anjur Program Berkonsep 1Malaysia

PULAU PINANG, 22 Oktober -- Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Perlis disaran menganjurkan program dan aktiviti yang bermatlamat supaya menjadi 'Juara Perpaduan' di kalangan universiti di negara ini. Naib Canselornya Brig. Jen. Dato' Prof. Dr Kamarudin Hussin berkata penganjuran program seumpama itu juga bagi menjadikan konsep 1Malaysia satu realiti di kalangan warga kampus dan masyarakat sekeliling.



"Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tepat pada masanya dan konsep inisiatifnya amat penting diterapkan dalam sanubari kita," katanya semasa berucap pada majlis penyerahan wafiah pelantikan dan angkat sumpah jawatan MPP UniMAP bagi sesi 2009/2010 .

Katanya konsep 1Malaysia penting terutama kepada golongan muda yang semakin tidak menghargai, malah mengkhianati kewibawaan serta keprihatinan orang terdahulu daripada mereka dalam mempertahankan kesinambungan keharmonian Negara. Beliau turut menasihatkan pemimpin MPP UniMAP supaya tidak melupakan tanggungjawab kepada masyarakat setempat dengan mengadakan program yang memberi impak dari segi akademik, ekonomi dan pembangunan mahasiswa itu sendiri.

"Mahasiswa perlu berfikiran kritis. Walaupun sudah berada di menara gading, pembabitan dengan masyarakat setempat penting kerana ia melambangkan mereka sebagai insan responsif dalam isu masyarakat," katanya.

Dato' Dr Kamarudin berkata program kemasyarakatan juga mampu menjana wadah kepada mahasiswa untuk berada di medan masyarakat dan secara tidak langsung menjadikan mahasiswa lebih berkeyakinan bersama orang ramai.

Dalam majlis berkenaan, seramai 33 pelajar mengangkat sumpah sebagai MPP UniMAP bagi sesi 2009/2010 yang diketuai oleh Yang Dipertua (YDP) yang baru, Muhammad Nur Misbah.